

PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Pejabat Kewangan Negeri,
Tingkat 5, Blok D, Wisma Negeri,
70503 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.



Telefon : 06 - 7624686 (Talian Terus)
06 - 7659961
06 - 7659962
No. Faks: 06 - 7636352
06 - 7671702

Fail Kami : P.Kw.N./N.S.(349) 549/1 Klt.5 (16)
Tarikh : Muharram 1440H
15 Oktober 2018

**SEMUA KETUA JABATAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

YB Dr./YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**TATACARA PERBELANJAAN DAN PEROLEHAN DARURAT DI BAWAH ARAHAN
PERBENDAHARAAN (AP) 55 DAN 173.2**

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YB Dr./YBhg. Dato'/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Seperti yang YB Dr./YBhg. Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, terdapat dua (2) Arahan Perbendaharaan (AP) yang perlu dipatuhi bagi perbelanjaan dan perolehan darurat. AP55 ditafsirkan sebagai perbelanjaan yang perlu dilaksanakan dengan segera dalam keadaan yang mendesak atau luar biasa di mana tiada peruntukan yang disediakan bagi perbelanjaan tersebut dan kesuntukan masa untuk mendapatkan kebenaran membuat perolehan secara biasa. Mana-mana pegawai awam di atas tanggungjawabnya sendiri boleh melakukan perbelanjaan darurat tersebut.

3. Manakala Perolehan Darurat (AP173.2) ditafsirkan sebagai perolehan yang dibuat dengan kadar segera dan serta merta iaitu di mana kelewatan perolehan akan memudaratkan dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam. Perolehan hendaklah dihadkan kepada kuantiti bekalan yang mencukupi dan skop perkhidmatan serta skop kerja memadai setakat untuk menampung keperluan darurat yang berkenaan sahaja.

4. Sehubungan dengan itu, pihak YB Dr./YBhg. Dato'/Tuan/Puan adalah dimohon untuk merujuk kepada 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP), P.B 3.3 – Garis Panduan Perbelanjaan Darurat (AP55) dan Perolehan Darurat (AP173.2) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia bagi memastikan urusan perbelanjaan dan perolehan darurat dapat dilaksanakan dengan berkesan.

5. Perhatian dan kerjasama YB Dr./YBhg. Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERSIH. MUAFAKAT. SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD KHIDIR BIN MAJID)

Pegawai Kewangan Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus